

PENULISAN ALASAN PENGHAKIMAN

Pendahuluan

Penulisan alasan penghakiman adalah merupakan sebahagian daripada prosiding perbicaraan di mahkamah syariah samada dalam kes mal ataupun jenayah. Ia sangat penting bagi mendapat sesuatu keputusan yang tepat dan adil bagi semua pihak kerana Islam sangat mengambil berat dan menuntut umatnya berlaku adil, keadilan dalam pemerintahan dan juga dalam penghakiman.

Firman Allah SWT dalam Al-Quran al-Karim:

وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

Maksud:

“Apabila kamu menghakimi antara manusia hendaklah kamu menghukum dengan seadil-adilnya.”

Seksyen 145 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2002 menjelaskan mahkamah yang mendengar rayuan hendaklah membuat alasan penghakiman secara bertulis. Sebelum hakim membuat keputusan dan memberi alasan-alasannya perlu dijelaskan fakta yang mengandungi:

- i) fakta kes iaitu ringkasan tuntutan (dakwaan) plaintif atau pertuduhan ke atas yang kena tuduh.
- ii) Sokongan dari saksi-saksi dan lain-lain seperti qarinah keterangan pakar dan sebagainya. Keterangan setiap saksi perlu dibuat ulasan secara jelas dan hendaklah menepati hukum syarak beserta dalil-dalil atau nas dari Al-Quran, hadith dan sebagainya.

- iii) Jawapan defendan atau pihak tertuduh secara teratur dan jelas serta meliputi segala pekara yang perlu diberi jawapan. Hakim perlu membuat ulasan bagi jawapan ini samada dinafikan secara keseluruhan atau terdapat pengakuan yang boleh diterima oleh mahkamah sebagai pengakuan atas sesuatu tuntutan dan perkara ini hendaklah diberikan nas rujukan dari segi syarak yang menunjukkan bahawa pengakuan tersebut boleh diterima.
- iv) Hujah (penggulungan kes) dari kedua-dua belah pihak perlu diberi pertimbangan samada hujah secara lisan atau bertulis dan sebaik-baiknya hujah hendaklah dikemukakan secara bertulis.
- v) Mahkamah hendaklah menjelaskan pandangannya berdasarkan kepada Al-Quran/hukum syarak berhubung dengan kes yang dibuat tuntutan seperti kes nafkah, hibah dan sebagainya secara terperinci termasuk perbezaan pendapat ulama (jika ada) dan seterusnya menerangkan pendapat mahkamah yang menerima sesuatu pandangan itu bersesuaian dengan kes yang dibicarakan.
- vi) Mahkamah hendaklah mengkaji isu-isu yang berbangkit di dalam perbicaraan terutamanya isu-isu penting seperti:
 - a) isu-isu yang dipersetujui
 - b) isu-isu yang tidak dipersetujui
 - c) isu-isu yang patut diberi perhatian dan jelaskan pendapat mahkamah secara terperinci dan kesimpulan darinya.

Sumber:

Dato' Haji Daud Bin Muhammad (Dato' Aria DiRaja)

Ketua Hakim Syarie Kelantan

Bertarikh 28/6/2004